

03/06/2003

Bush, PM bertemu dalam suasana mesra

Azizi Othman

LAUSANNE (Switzerland): Presiden George W Bush yang menghadiri Sidang Kemuncak Negara G-8 yang berlangsung di Evian, Perancis dekat sini turut mengambil kesempatan bertanya khabar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

pada majlis dialog menjelang sidang kemuncak itu.

Sikap mesra Presiden Amerika Syarikat itu kepada Dr Mahathir jelas ketara apabila Bush menepuk belakang Perdana Menteri ketika melintas di belakangnya dan awal-awal lagi datang berjabat tangan dengannya selepas dialog berkenaan tamat.

"Beliau nampak agak mesra, datang bersalam dengan saya dan bertanya khabar serta sama ada saya masih memegang kuasa. Saya kata ya... tetapi hanya sampai Oktober ini sajalah," kata Dr Mahathir.

Ditanya sama ada beliau juga menepuk belakang Bush, Perdana Menteri berkata, beliau memang tidak suka berbuat begitu.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas sikap Bush dalam pertemuannya di dialog itu kelmarin.

Bush tidak menunjukkan sebarang tanda tidak senang terhadap Malaysia walaupun duta negara itu ke Malaysia, Marie Huhtala mengeluarkan kenyataan

mengecam kelantangan Kuala Lumpur mengkritik dasar luar negaranya.

Malah Perdana Menteri berkata, Bush kelihatan mesra ketika bertemu dengannya.

"Gaya bahasa dan sikap Presiden Bush langsung tidak menunjukkan sebarang

tanda bahawa beliau tidak senang dengan Malaysia," katanya dalam sidang media dengan wartawan Malaysia selepas menghadiri dialog itu, semalam.

Evian, bandar pelancongan yang terkenal sebagai pusat sumber air galian

semula jadi, terletak kira-kira 30 minit perjalanan menaiki bot dari sini

iaitu untuk menyeberangi Tasik Geneva yang memisahkan dua bandar ini.

Dialog tidak rasmi menjelang Sidang Kemuncak G-8 itu disertai 13 pemimpin negara membangun termasuk Presiden China, Hu Jintao; Perdana Menteri India, Atal Bihari Vajpayee dan Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki.

Selain pemimpin lapan negara G-8, turut menyertai dialog itu ialah Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan; Presiden Bank Dunia, James Wolfensohn; Pengarah Urusan Tabung Mata Wang Antarabangsa, Horst Kohler dan Ketua Pengarah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO), Supachai Panitchpakdi.

Ini ialah pertama kali Sidang Kemuncak G-8 yang disertai lapan negara perindustrian utama dunia, iaitu Amerika Syarikat, Britain, Jepun, Kanada, Itali, Jerman, Perancis dan Russia, mengadakan dialog dengan sebahagian besar negara membangun.

Dialog itu dibuat atas inisiatif Perancis sebagai tuan rumah Sidang Kemuncak G-8 tahun ini, untuk mewujudkan forum perbincangan antara negara

Utara dengan Selatan berhubung pelbagai isu yang membabitkan kepentingan bersama.

Minggu lalu, Huhtala dalam satu forum perniagaan di Kuala Lumpur dilaporkan sebagai berkata, hubungan Kuala Lumpur-Washington mungkin terjejas jika pemimpin Malaysia tidak berhenti membuat kenyataan mengecam dasar luar Amerika Syarikat.

Beliau berkata, kenyataan sedemikian oleh pemimpin Malaysia langsung tidak dapat membantu ke arah memperkukuh hubungan Kuala Lumpur-Washington dan mungkin memberikan kesan buruk.

Perdana Menteri berkata, sikap mesra Bush terhadap Malaysia itu juga ketara sepanjang dialog berkenaan termasuk ketika beliau berucap kerana ia tidak terlalu menekan isu kontroversi.

Ditanya perkara lain yang dibincangkan dalam dialog itu, Dr Mahathir berkata, beliau juga menyentuh mengenai langkah Bush untuk menyediakan bantuan kewangan bernilai AS\$15 bilion bagi membanteras HIV/Aids.

"Saya juga tekankan mengenai isu penyakit seperti Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) dan pentingnya dunia untuk berusaha menangani penyakit baru serta mengenal pasti bagaimana ia berlaku.

"Dalam dunia kini, seseorang bergerak beribu-ribu batu dalam beberapa jam saja dan jika tiada usaha antarabangsa diambil untuk menangani penyakit baru ini, ia satu hari nanti mungkin menjadi pandemik yang membabitkan seluruh dunia," katanya.

Sementara itu Dr Mahathir berkata, dialog itu tidak menyentuh mengenai isu Iraq manakala isu berkaitan ekonomi banyak dibangkitkan oleh pemimpin negara Afrika yang menganggotai Perkongsian Baru Bagi Pembangunan (Nepad).

Mengenai perbincangannya dengan Presiden Russia, Vladimir Putin, Perdana Menteri berkata, ia menyentuh isu hubungan dua hala dan bagaimana hubungan sedia ada dapat diperkukuhkan.

Katanya, presiden itu juga menyatakan harapannya agar lawatannya ke Malaysia yang dijadual bulan depan dapat memberikan hasil yang positif kepada kedua-dua negara pada masa depan.